

PENGENALAN

Kajian ini diharap dapat menambahkan lagi bahan-bahan pengetahuan mengenai pentadbiran undang-undang Islam di Perlis, terutama sekali dari segi praktiknya. Kajian ini berakhir pada bulan April, 1976. Oleh itu segala perubahan yang mungkin berlaku selepas itu tidak terdapat didalamnya. Dengan mengetahui kelemahan-kelemahan Majlis seperti yang dikemukakan oleh kajian ini, diharap agar kelemahan-kelemahan itu dapat diatasi.

Cara kajian ini dibuat ialah dengan menemuramah pegawai-pegawai yang terlibat, memerhati cara-cara mereka menjalankan tugas mereka dan juga dengan membuat rujukan kepada laporan-laporan yang dibuat oleh pihak Majlis.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Majlis dan pihak-pihak yang terlibat yang telah memulung menjayakan kajian ini, terutama sekali Kadi negeri Perlis, Ustaz Mahmood bin Lebai Man.

Hasan Lah.